

Koh tolak gesaan berundur, kekal pimpin parti hadapi PRU
Malaysiakini.com
October 15, 2011

Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon telah menolak gesaan supaya beliau meletak jawatan, sambil menegaskan bahawa beliau akan kekal memimpin parti itu sehingga pilihan raya umum akan datang.

tan lian hoe gerakan wanita chief agm 2011 2" Saya berhasrat untuk memimpin parti menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya dalam satu sidang akhbar, sambil menambah beliau akan mengumumkan kemudian jika dan di mana beliau bertanding. Sidang akhbar itu dipanggil sebaik berakhirnya mesyuarat perwakilan Wanita Gerakan di mana ketuanya, Tan Lian Hoe (kiri) - dalam ucapan dasarnya - membidas Dr Koh di atas kepimpinannya yang "lemah".

Tan menjelaskan kepada pemberita kemudiannya bahawa Dr Koh hanya mempunyai dua pilihan - perbaiki keadaan atau berundur.

Koh, sebaliknya menyebut, Tan kerap tidak menghadiri mesyuarat kepimpinan parti, dan kerana itu, telah membuat penghakiman sedemikian.

"Mungkin jika lebih kerap menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) lebih kerap, dia akan lebih memahami apa yang sedang berlaku dan keputusan yang telah kami dibuat," katanya.

Dr Koh berkata Tan harus sedar bahawa ia adalah kepimpinan secara kolektif - merujuk kepada kedudukan Tan sebagai anggota CWC.

Mengenai dakwaan Tan bahawa beliau (Dr Koh) tidak mampu membuat keputusan yang sukar, presiden Gerakan berkata, Tan berhak kepada pendapatnya.

Menurutnya, selepas persidangan perwakilan Gerakan ini, beliau akan membuat banyak keputusan yang sukar dan berharap Tan "boleh menerimanya dengan baik".